



17 JUL, 2024

Sembunyi e-bike di sebalik alat ganti
kenderaan, pakaian

Harian Metro, Malaysia



Sembunyi e-bike di sebalik alat ganti kenderaan, pakaian

Pelabuhan Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) merampas 87 motosikal elektrik (e-bike) dalam dua serbuan berasingan, masing-masing di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat di sini, pada 28 Jun dan 3 Julai lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata, pada serbuan 3 Julai lalu di Pelabuhan Utara, pihaknya merampas 79 e-bike bernilai keseluruhan RM169,450.

"Kami memeriksa se-



ANTARA e-bike yang dirampas JKDM Zon Tengah Unit II Selangor.

buah kontena sebelum menemukan e-bike terbabit yang tidak mempunyai permit import. Siasatan juga mendapati, premis bagi alamat pihak terbabit pada Borang Kastam No.1 tidak wujud.

"e-bike terbabit pula disorok di sebalik dagangan alat ganti kenderaan serta pakaian bagi mengelak kesan JKDM," katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Selangor Pelabuhan Utara, di sini, semalam.

Sementara itu, dalam operasi berasingan pada 28



Semakan dengan Miti
mengesahkan syarikat
berkaitan tiada permit
import untuk
mengimport barangan
itu"

Norlela

Jun lalu, pihaknya merampas lapan e-bike bernilai RM5,250 dan 375 liter minuman keras pelbagai je-

nama bernilai RM55,373.

"Barangan terbabit ditenemukan pada pemeriksaan membabitkan sebuah kontena. Semakan dengan Miti mengesahkan syarikat berkaitan tiada permit import untuk mengimport barangan itu.

"e-bike dan minuman keras itu disorok di sebalik meja, kabinet, peralatan dapur dan dagangan lain," katanya.

Kedua-dua kes ini disiasat di bawah Akta Kastam 1967 mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.



17 JUL, 2024

Sembunyi e-bike di sebalik alat ganti kenderaan, pakaian

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Pelabuhan Klang: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) merampas 87 motosikal elektrik (e-bike) dalam dua serbuan berasingan, masing-masing di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat di sini, pada 28 Jun dan 3 Julai lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata, pada serbuan 3 Julai lalu di Pelabuhan Utara, pihaknya merampas 79 e-bike bernilai keseluruhan RM169,450.